

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 14 NASIONAL 16/4/2025 (RABU)

Hospital cerminan perpaduan rakyat

IPOH - Hospital bukan sahaja berperanan menyediakan rawatan perubatan, malah menjadi medan semula jadi yang menyemai semangat perpaduan rakyat Malaysia, titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Baginda bertitah, di sebalik fungsi tersuratnya, institusi kesihatan itu turut memainkan peranan tersirat dalam menyatukan rakyat tanpa mengira latar belakang agama, kaum, budaya, bahasa mahupun status sosial dan ekonomi.

"Belum pernah terdengar doktor di hospital yang enggan merawat pesakit kerana faktor berlainan agama atau kaum atau status sosial dan tidak pernah terdengar pesakit yang mempertikai darah yang mahu diserapkan ke dalam tubuhnya, sama ada diperoleh daripada darah penderma beragama Islam, Hindu, Kristian, Buddha

atau si miskin.

"Apabila berlaku kematian dalam wad hospital, kesemua staf hospital, demikian juga rakan-rakan pesakit dalam wad berkaitan, sama-sama berasa hiba, malah ada yang turut menitikkan air mata, meski pesakit yang meninggal dunia memiliki latar belakang yang berlainan, malah terlalu baharu dikenali," titah baginda.

Baginda turut menekankan bahawa hospital ialah tempat yang menginsafkan manusia akan kelemahan diri serta menyedarkan bahawa nyawa bukan milik mutlak sesiapa.

Sehubungan itu, baginda menyarankan agar wad hospital dijadikan sebagai 'bilik darjah' yang mengajar semua pihak tentang erti ketuhanan, keinsanan, ihsan, empati dan perpaduan sejati yang lahir secara semula jadi tanpa mengira kedudukan.

Sultan Nazrin berkenan menyantuni anggota-anggota Dewan Undangan Negeri sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Tahun Ketiga Dewan Negeri Kelima Belas di Bangunan Perak Darul Ridzuan.



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN • RABU 16 APRIL 2025

SINAR HARIAN M/S 23 NASIONAL 16/4/2025 (RABU)

Saya selalu terlewat pergi hospital - Penduduk PPR

Lot parkir sememangnya satu keperluan penting terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan perumahan seperti pangsapuri, flat dan sebagainya; namun masalah tidak cukup lot parkir hingga berlakunya parkir bertindih, menghalang kenderaan orang lain merupakan antara masalah yang kerap kali dihadapi oleh penduduk.

Akibatnya, mulalah penduduk meletak kereta di merata-rata tempat seperti di tepi jalan, di depan rumah penduduk lain dan malah ada yang hingga menghalang laluan utama dan sekali gus menjadi punca kesesakan dan kemalangan kecil.

Ikuti laporan wartawan *Sinar Harian*, SHAHRIZAL AHMAD ZAINI berhubung permasalahan tersebut di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Kempas Permai, Johor Bahru.

BAGI penduduk, Mohd Nazri Juni, 46, masalah parkir di PPR berkenaan seringkali menimbulkan kesukaran kepada orang ramai untuk keluar bekerja, menghantar anak ke sekolah atau untuk urusan-urusan tertentu.

Malah katanya, dia sendiri kadangkala terpaksa menunggu 15 hingga 20 minit atau lebih lagi bagi menunggu pemilik kenderaan yang menghalang keretanya mengalihkan kenderaan dan dari lot parkir yang disediakan.

"Masalah timbul apabila kereta yang diparkir di sebelah dalam nak keluar, tetapi terhalang oleh kenderaan lain; tambahan pula tiada nombor telefon ditinggalkan dan brek tangan pula ditarik.

"Ini yang jadi masalah, kerana kita tak tahu macam mana nak beritahu pemilik untuk alihkan kenderaan mereka.

"Mujuir juga ada kumpulan WhatsApp komuniti PPR di sini, kita boleh beritahu terus atau siapa-siapa yang kenal pemilik kenderaan untuk alihkan, tapi takkanlah 24 jam orang asyik nak tengok telefon sahaja," katanya.

Seorang lagi penduduk, Marwan Mundir, 64, turut menyuarakan mengenai masalah parkir di PPR berkenaan yang sering kali memberikannya masalah setiap kali mahu ke hospital bagi membuat rawatan susulan.

Katanya, jika keretanya di lot parkir terhalang oleh kenderaan lain, dia terpaksa menggunakan perkhidmatan teksi, e-hailing atau meminta bantuan rakan-rakan untuk membawanya ke hospital.

"Masalah parkir di sini memang betul-betul berikan masalah dan boleh menyebabkan hilang sabar.

"Macam saya yang kena selalu pergi ke hospital untuk dapatkan rawatan dan sudah pasti saya selalu terlambat ke hospital.

tapi terpaksa, asalkan tak terlepas untuk rawatan susulan saya," katanya.

Bagi seorang lagi penduduk, Siti Norma Hassan, 57, masalah parkir di kawasan berkenaan semakin meruncing terutamanya pada waktu malam.

Katanya, keadaan itu akan bertambah buruk pada hari cuti kerana akan berlaku parkir berlapis hingga menyukarkan kenderaan untuk keluar.

"Ada kalanya bila hujung minggu duduk sahaja di rumah atau jika perlu akan gunakan pengangkutan awam.

"Jika balik dari kedai beli barang, tidak ada ruang parkir, terpaksa parkir jauh. Memang penatlah jalan kaki kena angkat barang," katanya.

Dalam pada itu, seorang lagi penduduk, Amijul Azra Aziz, 25, mengharapkan agar masalah parkir di PPR berkenaan dapat diatasi segera untuk keselesaan bersama.

Katanya, pihak pengurusan perlu segera bekerjasama dengan pihak berwajib untuk atasi masalah ini.

"Keadaan parkir di sini semakin hari kian meruncing.

"Paling teruk, parkir berlapis ini menghalang lori pengangkut sampah masuk, sehingga mengakibatkan kesesakan jalan di dalam PPR ini," katanya.

MOHD NAZRI **MARWAN**

SITI NORMA **AMIJUL AZRA**



Keadaan parkir berlapis menjadikan laluan semakin sempit.



Penduduk sukar hendak keluar terutama pada awal pagi.



Antara pesanan dalam kumpulan WhatsApp komuniti PPR berkenaan mengenai halangan laluan kenderaan.

Assalamualaikum, minta alihkan kereta lori x lepas nak lalu. zangkut ni kat belakang blok B.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : ECOWATCH



Asbestos cement roofing sheets. Only two factories in Malaysia still manufacture asbestos products. — CAP

As long as there is no complete ban on all asbestos products, situations like this will keep cropping up: A worker (right) drying white radish on an asbestos sheet while concerned citizen Suriakant B. Patel explains the danger of doing so. — Filepic/The Star

The disease (mesothelioma) does not immediately appear. There could be a latent period of as much as 40 years, which means the disease will only be seen after 30 to 40 years.

Dr T. Jayabalan

should be put to the government, adding that she believes it could have been due to lobbying by industry interests.

"We do not know what happened in Malaysia, and do not want to speculate," she states. Malaysia, she says, does not have to further delay the ban.

"There are alternatives that have been used by other countries, even in South-East Asia," she points out.

But even after a full ban, this doesn't mean there won't be health impacts for years to come, primarily – as Mageswari has mentioned – from legacy products, such as asbestos-containing materials that were manufactured and installed in the past and are still present in existing infrastructure and products today.

The concern arises when they are disturbed during renovations, demolitions, or by natural deterioration, potentially releasing harmful asbestos fibres into the air.

A check with a local asbestos survey service company shows that it receives around an average of two or three inquiries a month.

"While asbestos sampling and testing are generally not expensive, the asbestos removal process can be quite costly.

"This is due to the requirement for professional, trained personnel, the setup of a decon [decontamination] unit, and necessary utility connections," says a staff member from the company's industries and environment division.

A decontamination unit is a facility or mobile unit designed to safely remove hazardous contaminants from people, clothing, and equipment.

Additionally, the removal, explains the staff member, must follow the Occupational Safety and Health Department Guidelines for Asbestos Removal 2017.

"Even after removal, the waste must be treated with great care.

"As a result, some companies may be reluctant to engage in asbestos removal due to the high costs, often without fully considering the potential health risks associated with exposure to the material," she says.

Besides her firm, there are several global third-party inspection companies and other local companies that also provide both asbestos sampling and removal services.

Should a full ban be mullied, who would oppose it?

There is no mining or milling of asbestos in Malaysia, with the main commercial activities confined to the manufacturing of asbestos products for sale in domestic and export markets, according to the memorandum by CAP.

The memorandum also quotes the United States Geological Survey agency as putting the consumption of asbestos fibre in Malaysia at 3,830 tonnes in 2022, down from 11,500 tonnes in 2010.

According to Asia Ban Asbestos Network records, in 2022, Malaysia imported 4,322 tonnes of asbestos cement from Indonesia, and 2,794 tonnes of asbestos fibre from Russia.

The beginning of the end?

Local contractors, according to the Master Builders

Some diseases linked to exposure to asbestos

Mesothelioma

- Rare cancer of the lining around organs (lungs, chest, abdomen, heart)
- Caused by asbestos exposure
- Symptoms show 20-50 years later
- Almost always fatal, 5-year survival rate: ~10%

Asbestosis

- Chronic lung disease
- Caused by inhaling asbestos fibres
- Leads to scarring of lung tissue
- Symptoms: shortness of breath, dry cough, chest tightness

Laryngeal & ovarian cancers

- Asbestos exposure increases risk of laryngeal cancer (voice box)
- Asbestos confirmed as cause of ovarian cancer

Lung cancer

- Caused by asbestos exposure (combined with smoking)
- Malignant tumor blocking lung air passages
- Increased risk with tobacco use

Pleural diseases

- Includes pleural effusion (fluid buildup between lung and chest wall)
- Includes pleural plaques (thickened lung lining)
- Symptoms: shortness of breath, chest pain

Source: Merck Manual, Agency for Toxic Substances and Disease Registry and Mesothelioma Centre

The Star graphics

Association Malaysia, would surely support a proposal to completely ban the use of all asbestos materials as it is their workers who have to handle and install the material and are the most exposed to the carcinogenic fibres, says president Oliver Wee.

Asbestos, he explains, is naturally fireproof and usually used in fireproofing, insulation, roof materials, and walls and ceilings in high temperature environments. Also offering sound proofing properties, it is used in ceiling tiles and wall panels to reduce noise.

"As contractors, we actively advise and propose that

clients replace materials containing asbestos with safer alternatives as we are responsible for installation.

"Alternative materials such as fibreglass, cellulose, or polyethylene foam can be considered as replacements," he points out.

The association, adds Wee, constantly carries out programmes to disseminate the latest updates and training in the dangers of asbestos to create awareness and share knowledge among its members.

"However, to have a comprehensive plan to abolish the use of all asbestos materials, it requires the commitment of all stakeholders – everyone from

architects and consultants to developers as well," he says.

Asked if the construction sector is committed to replacing asbestos with safer products, Wee says the practice in the local construction industry is for contractors to use whatever materials are listed in contract documents or specifications.

The initiative, he says, lies with the designers or consultants to specify alternative materials.

"That would make the manufacturers produce the approved type of materials without any asbestos content.

"When there is no demand, there won't be any supply."

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : NASIONAL

BERITA HARIAN M/S 22 NASIONAL 16/4/2025 (RABU)

Selangor catat kes tertinggi HFMD

Peningkatan wabak dikesan sejak Disember tahun lalu

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selangor mencatatkan jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) paling tinggi dengan 16,794 kes bagi tempoh 1 Januari hingga 5 April lalu.

Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan, selain itu, dua lagi negeri yang mencatatkan peningkatan kes penyakit berjangkit itu adalah Johor dan Perak.

"Hampir semua negeri menunjukkan peningkatan kes antara 300 hingga 800 peratus berbanding tempoh sama pada 2024.

"Selain Selangor, Johor adalah

negeri yang merekodkan kes kedua tertinggi HFMD iaitu sebanyak 6,384 kes, manakala Perak dengan 5,510 kes," katanya kepada BH.

Media sebelum ini melaporkan beberapa negeri mencatatkan peningkatan kes HFMD, antaranya di Pulau Pinang, bagi tempoh 1 Januari hingga 22 Mac lalu, 3,446 kes direkodkan, selain 533 kes di Terengganu sementara Kelantan bagi tempoh 1 Januari hingga 5 April lalu mencatatkan 4,591 kes.

Kebanyakan kes membabitkan kanak-kanak di bawah usia enam tahun yang berada di pusat asuhan dan tadika.

Dua negeri catat penurunan

KKM turut memaklumkan, hanya dua negeri yang setakat ini menunjukkan penurunan kes HFMD, iaitu Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Mengulas penularan kes HFMD hampir di seluruh negara



KKM melakukan pelbagai intervensi secara menyeluruh kejang penularan wabak HFMD. (Foto hiasan)

ketika ini, KKM memberitahu, ia bukan berpunca daripada sambutan Aidilfitri, sebaliknya trend peningkatan wabak itu dikesan sejak Disember tahun lalu.

Susulan itu, KKM melakukan

pelbagai intervensi secara menyeluruh, termasuk penutupan premis seperti tadika dan taska sekiranya perlu.

"Antara langkah kawalan dilakukan ketika ini adalah me-

lakukan siasatan dan kawalan wabak yang dijalankan secara berterusan oleh Pejabat Kesihatan Daerah.

"Selain itu, pihak KKM juga mengadakan sesi 'town hall' bersama agensi berkaitan, termasuk pengusaha taska serta tadika.

"Pemantauan turut diberikan bagi kes teruk, pada masa sama turut dilakukan pengambilan sampel enterovirus," katanya.

Tambah KKM, tindakan pencegahan turut dipertingkatkan bagi memastikan kawalan berterusan terhadap wabak HFMD.

Ini katanya, termasuk menggalakkan pengusaha premis pusat jagaan harian dan tadika untuk melakukan disinfeksi setiap hari dan memastikan kanak-kanak bawah jagaan mereka sentiasa menjaga kebersihan diri.

Selain itu, KKM turut memperkukuh promosi kesedaran awam mengenai wabak HFMD melalui infografik di media sosial dan portal KKM.